

UMS-UNIMAS Perkasa Jalinan Perhubungan Awam

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 01 Mac 2019 18:04 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 209

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


JUMAAT, 01 MAC -
Kunjungan Pejabat Canselori dan Hubungan Antarabangsa Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kepada Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat (PPSKK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) meningkatkan lagi jalinan perhubungan awam sedia ada.

Timbalan Pengarah (Korporat) PPSKK UMS, Dr. Jakarta Dasan berkata, kunjungan itu juga sekali gus dilihat mampu memantapkan lagi pelaksanaan tugas setiap kakitangan di kedua-dua universiti, khususnya yang berkaitan

dengan hal ehwal komunikasi korporat.

“Dalam pertemuan ini, kami saling berkongsi pengetahuan serta bercerita tentang pengalaman di institusi masing-masing dalam keadaan santai sambil berkenalan antara satu sama lain.

“Lawatan muhibah seumpama ini juga amat penting sebagai medan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim seterusnya menyemarakkan semangat kekitaan sebagai dua universiti yang berjiran di kepulauan Borneo,” katanya ketika ditemui media pada lawatan itu hari ini.

Lawatan itu menyaksikan seramai 30 orang kakitangan Pusat Canselori dan Hubungan Antarabangsa UNIMAS hadir berkunjung ke UMS dengan diketuai oleh Pengaruhnya Tuan Hj Azlan Ramli.

Terdahulu, Dr. Jakarta dalam ucapannya sempat berkongsi beberapa pendekatan yang digunakan bagi meningkatkan prestasi tugas setiap kakitangan di PPSKK.

Beliau berkata, dalam memastikan setiap kakitangan komunikasi atau perhubungan awam ini sentiasa selesa menerima tugas yang diarah sama ada secara *ad-hoc* atau berjadual, kita menekankan konsep pendekatan berkomunikasi seperti “rakan sebaya”.

“Umum mungkin lebih maklum akan terma “rakan sekerja” yang mana boleh diterjemahkan kepada beberapa konotasi.

“Salah satu konotasi bagi terma ini ialah mengenai wujudnya hierarki ketua dan kakitangan, atau arahan yang disampaikan oleh seorang yang lebih tinggi jawatannya kepada yang berjawatan rendah,” jelasnya.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu beliau berkata, PPSKK mula memperkenalkan konsep rakan sebaya agar tidak wujud gambaran perbezaan hierarki tersebut dalam kalangan kakitangan.

Dr. Jakarta yang juga merupakan pensyarah bagi Kursus Pengurusan Strategik dan Kursus Komunikasi Korporat di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) memaklumkan, pendekatan itu nyata berkesan kerana kadang kala tugas yang dilakukan adalah selepas waktu bekerja dan pada waktu hujung minggu.

“Secara tidak langsung, pendekatan ini membolehkan semangat berpasukan yang jitu dibentuk dalam kalangan kakitangan,” ujarnya yang turut berkongsi tentang keunikan-keunikan di negeri Sabah sebagai salah satu sumber rujukan bagi membentuk pendekatan perhubungan awam yang berkesan, selain aspek pemasaran keterampilan dan citra universiti.

Rombongan UNIMAS kemudiannya turut dibawa melawat ke beberapa destinasi menarik sekitar UMS.